

24/02/2003

Rakyat tolak perang (HL)

Mohd Fuad Razali; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Lebih 250,000 rakyat dari seluruh pelosok negara memenuhi Stadium Nasional Bukit Jalil di sini malam tadi bagi membuktikan kepada dunia bahawa penduduk Malaysia, tanpa mengira usia, jantina, bangsa dan agama, menolak peperangan.

Mereka, yang mula berhimpun di stadium itu seawal tengah hari semalam bagi menyertai Perhimpunan Keamanan Rakyat sempena Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia, tidak mengendahkan hujan lebat kira-kira jam 4.30 petang.

Pelbagai sepanduk digantung, antaranya bertulis "Hindarkan Peperangan", "Kekalkan Keamanan", "Bersatu Selamatkan Dunia", "Belia Malaysia Cintakan Keamanan", "Keamanan Tanggungjawab Semua" dan "Dr M Teruskan Perjuangan".

Suasana tambah bersemangat dengan ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 8.45 malam, yang disambut laungan 'Kami mahukan keamanan' serta diiringi lagu Semarak Kedamaian yang menggegarkan stadium.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut menyertai perhimpunan itu selepas menghadiri majlis jamuan malam Forum Perniagaan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Sunway Lagoon Resort Hotel.

Pada perhimpunan antiperang yang terbesar pernah diadakan di negara ini, Perdana Menteri juga menerima memorandum Aman Malaysia serta tanda tangan lebih dua juta rakyat Malaysia untuk dikemukakan pada Sidang Kemuncak NAM yang bermula hari ini.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia di semua peringkat sama ada menteri, pegawai kerajaan atau penuntut menentang keganasan atau peperangan.

"Kita tidak setuju dengan kekerasan. Kita tidak boleh berpuas hati kita hidup dengan aman tetapi rakyat negara lain diserang tanpa berperikemanusiaan.

"Perang bermakna membunuh. Manusia yang suka membunuh manusia, tidak bertamadun. Kita tidak setuju dengan cara membunuh manusia.

"Amat malang sekali di zaman moden ini, ukuran kebesaran sesebuah negara ialah dengan melihat bagaimana besarnya keupayaan negara itu membunuh manusia. Mereka menganggap mereka sudah berjaya tetapi ia amat zalim kerana ia membunuh manusia tidak berdosa," katanya pada majlis yang disiarkan secara langsung menerusi RTM1.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan yang juga penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Presiden Majlis Belia Malaysia yang juga

pengerusi perhimpunan itu, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, anggota Kabinet dan Menteri Besar.

Sebelum itu, rombongan rakyat Palestin yang diundang sempena Sidang Kemuncak NAM, turut naik ke pentas menyampaikan luahan hati mengenai keadaan di negara mereka. Video peperangan di Iraq juga ditayangkan.

Dalam ucapan kira-kira sejam, Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia menentang keras rancangan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyerang Iraq kerana tindakan itu bukan saja akan membunuh manusia tidak berdosa, malah mengancam keselamatan sejagat.

Perdana Menteri menegaskan, perang terhadap Iraq akan meletakkan keselamatan dunia dalam keadaan tidak menentu kerana pihak tertentu mungkin membalas serangan itu dengan melakukan keganasan.

Sambil menjelaskan serangan yang diketuai Amerika Syarikat bertujuan mengambil alih pengeluaran minyak Iraq, beliau berkata, dunia menghadapi ancaman baru apabila kuasa besar bertindak sewenang-wenangnya untuk mengubah sesebuah kerajaan hanya kerana pemimpinnya tidak disukai.

Perdana Menteri berkata, kuasa besar menggunakan alasan memerangi Iraq, kononnya untuk menyelamatkan rakyat negara itu daripada penindasan pemimpin mereka, tetapi hakikatnya rakyat Iraq bakal menjadi korban apabila diserang.

Katanya, kuasa besar menjadikan kejayaan menyerang Afghanistan sebagai landasan untuk menyerang Iraq, sekali gus mencapai hasrat menguasai minyak berikutan kebimbangan terhadap kemampuan Arab Saudi membekalkan minyak pada masa depan.

Beliau berkata, Barat kini ingin menakluk negara lemah bagi mengembalikan penjajahan dunia melalui kuasa ketenteraan setelah pendekatan tekanan ekonomi gagal.

"Mereka hanya tunggu alasan dan sebab untuk menjajah semula. Kejadian 11

September dijadikan alasan untuk menakluk dan menjajah dunia," katanya yang yakin Iran dan Korea Utara, dua negara selain Iraq yang dikatakan menjadi "paksi kejahatan" oleh Amerika Syarikat, akan diserang jika Iraq berjaya ditewaskan.